

24/09/1998

Kelab Harvard Malaysia anjur seminar

MALAYSIA memelopori pemikiran baru dalam mengatasi kegawatan ekonomi. Dengan tekad untuk berdepan dengan masalah yang dihadapi, negara memutuskan untuk menongkah arus dan menolak pemikiran popular dalam menyelesaikan krisis ekonomi yang dihadapinya.

Ia sudah menggariskan strategi untuk pemulihan ekonomi dalam satu pelan induk iaitu Pelan Pemulihan Ekonomi Negara. Ia sudah memperkenalkan kawalan modal dan melonggarkan dasar kewangan dan beberapa dasar lain.

Antara lain, langkah yang diambil bertujuan melindungi dan menstabilkan ekonomi negara, selain merangsangkannya semula.

Selain Malaysia, banyak lagi pertubuhan antarabangsa dan pelbagai hala, penganalisis dan pakar ekonomi kini mula mencadangkan penyelesaian yang serupa yang sudah diamalkan negara.

Kenapa Malaysia menongkah arus? Apakah berkesan kawalan yang dikenakan? Ini adalah antara soalan yang sering ditanya oleh pakar ekonomi, usahawan, penganalisis dan penggubal dasar.

Kelab Harvard Malaysia bersedia memberi jawapan kepada pelbagai persoalan mengenai krisis ekonomi dan berkaitan dengannya.

Kelab itu akan mengadakan dua majlis bagi memberi tumpuan kepada isu berkaitan ekonomi di Malaysia dan serantau.

Presiden Kelab Harvard Malaysia, Tan Sri Ahmad Sarji Abdul Hamid, berkata Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad akan menyampaikan ucapan pada majlis mengenai "Pengurusan Ekonomi Dalam Krisis" yang berlangsung 5 Oktober ini.

Sementara itu, Professor Robert J. Barro dari Universiti Harvard juga dijangka berucap mengenai "Pertumbuhan dan Krisis Kewangan yang melanda" pada 16 Oktober.

Dr Mahathir yang akan berucap pada majlis berkenaan juga bersedia untuk menjawab pelbagai soalan yang dikemukakan mengenai krisis ekonomi.

Ahmad Sarji berkata, sebelum ini Dr Mahathir juga pernah memberi tumpuan kepada pelbagai isu penting. Antara topik yang pernah dibentangkannya termasuk Polisi Ekonomi Malaysia Selepas 1990, Negara Malaysia yang Bersatu Menjelang Tahun 2020, Menuju Ke Arah Pembentukan Masyarakat Bermoral dan Beretika Sepenuhnya di Malaysia dan Kepemimpinan Ideal bagi Malaysia.

Dr Barro pula pernah terbabit dalam beberapa buku termasuk *Getting it Right: Markets and Choices in a Free Society*; *Macroeconomics: Modern Business Cycle Theory: and Money, Expectations and Business Cycles*.

Beliau juga adalah pengarang bersama bagi penulisan buku bertajuk *Economic Growth* dengan Zavier Sala-I-Martin.

Bagi sebarang maklumat lanjut mengenai dua acara yang akan diadakan itu boleh menghubungi Setiausaha Kehormat Kelab Harvard, Yusof Jusoh melalui telefon 03-2532703 atau 03-2533476 serta Sekretariat, Yusnita di nombor 03-2622544.

Kelab Harvard Malaysia turut menubuhkan Yayasan Kelab Harvard pada 1991 yang mana menyediakan biasiswa kepada pelajar tempatan untuk meneruskan pengajian mereka di Universiti Harvard, Amerika.

Sementara itu, Kelab Harvard Malaysia juga akan menjadi tuan rumah kepada mesyuarat ahli lembaga 22 Kelab Harvard di Asia.

Mesyuarat kedua ahli lembaga bagi Kelab Alumni Harvard yang mana Ahmad Sarji sebagai Presiden, akan berlangsung di Kuala Lumpur pada 5 Oktober ini.

Kelab itu turut dianggotai ahli yang menjangkau dari Pakistan, Korea Selatan sehingga New Zealand.

Hanya dua negara di rantau ini iaitu Nepal dan Indonesia tidak mempunyai wakil.

(END)